KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR
# DAN
# BERITA ONLINE

## UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI**
**Y.B. TIMBALAN MENTERI**
**Y.BHG. KSU**
**Y.BHG. TKSU (PDN)**
**Y.BHG. TKSU (PPP)**
**SETIAUSAHA AKHBAR**

## 26 JULAI 2023 (RABU)

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR
# (KPDN)

## 26 JULAI 2023 (RABU)

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI : RABU
TARIKH : 26/7/2023
M/SURAT : 5

# Inisiatif Payung Rahmah rahmat buat OKU

Oleh CATHERINE IRENE MILTON
catherine.irene@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Inisiatif Payung Rahmah membawa rahmat besar kepada semua golongan termasuk orang kurang upaya (OKU) dalam membantu meringankan beban kehidupan mendepani kos sara hidup sekarang.

Antara yang mendapat manfaat daripada program berkenaan adalah pemandu Grab OKU menerusi pemberian Bakul Rahmah sekali gus membolehkan mereka berjimat dalam perbelanjaan harian.

Payung Rahmah meliputi tiga inisiatif yang ditawarkan dengan kerjasama dua rakan strategik, Jaya Grocer dan Grab Malaysia, dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Inisiatif pertama adalah pemberian Bakul Rahmah yang bertujuan menyokong komuniti pemandu Grab OKU dan rakan kongsi penghantaran dengan pengagihan kotak barang keperluan asas.

Inisiatif kedua adalah Menu Rahmah yang menawarkan makanan harian pada kadar tidak melebihi RM5.00 bagi satu hidangan dan ketiga, Jualan Rahmah yang memberikan penjimatan harga pelbagai barangan keperluan harian sehingga 30 peratus lebih murah daripada harga biasa pasaran. Promosi eksklusif Menu Rahmah kini juga disediakan menerusi platform Grab.

Para penerima tiga inisiatif berkenaan ketika ditemui *Utusan Malaysia* berharap bantuan berkenaan diteruskan agar dapat dimanfaatkan lebih banyak penerima golongan OKU.

Seorang penerima inisiatif berkenaan, Hee Chee Chong yang juga Penolong Setiausaha Persatuan Persatuan Pemandu E-Hailing OKU Fizikal Malaysia (PPEOFM) meluahkan rasa terharu dengan keprihatinan kerajaan terhadap mereka.

"Kesungguhan kerajaan membantu OKU melalui inisiatif Payung Rahmah ini membuatkan kami tidak merasa terpinggir, sebaliknya dihargai," katanya.

Bagi Siti Fatimah Badrun, yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa PPEOFM, dengan adanya bantuan sedemikian ia dapat membantu dirinya untuk berjimat.

Disebabkan harga barang keperluan asas yang semakin meningkat, beliau sedaya upaya membeli barang keperluan melalui Jualan Rahmah.

Jualan Rahmah dapat membantu dirinya dan keluarga membeli barang keperluan dengan harga berpatutan menerusi potongan diskaun yang dikenakan.

Badrulshah Abdul Manan pula mencadangkan agar barang bantuan di bawah Payung Rahmah dapat dipelbagaikan.

Katanya, melihat keadaan rakan-rakan sekerja sebagai pemandu Grab yang bergantung pada kerusi roda dan tongkat kaki, justeru, dia berharap wujud bantuan yang boleh memudahkan mereka.

Dalam pada itu, Mohamad Azhar Baktiar turut menyokong agar bantuan berkenaan dapat diteruskan dan diperluaskan lagi kepada mereka yang mempunyai kecacatan fizikal yang lain.

Jelasnya, melihat dari segi peluang pekerjaan yang terhad bagi golongan OKU, maka menerusi inisiatif ini, mereka berpeluang memperoleh pekerjaan menerusi badan atau pihak yang mewujudkan peluang pekerjaan baharu kepada mereka.

"Sebagai pemandu *e-hailing* OKU, kami sentiasa berusaha memberi perkhidmatan terbaik kepada penumpang," ujarnya.

Justeru, katanya, bantuan seperti Inisiatif Payung Rahmah yang diagihkan kepada pemandu berkecacatan fizikal dilihat bukan setakat meringankan beban sara hidup malah, ia dianggap sebagai tanda penghargaan terhadap mereka sebagai pemandu *e-hailing* yang bersama-sama meningkatkan ekonomi negara.




BEKAS Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Allahyarham Datuk Seri Salahudin Ayub beramah mesra dengan wakil komuniti pemandu orang kurang upaya (OKU) Grab selepas Pelancaran inisiatif Payung Rahmah bersama Jaya Grocer dan Grab Malaysia di Kuala Lumpur baru-baru ini. – UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN



SITI FATIMAH BADRUN



MOHAMAD AZHAR BAKTIAR

> "Sebagai pemandu *e-hailing* OKU, kami sentiasa berusaha memberi perkhidmatan terbaik kepada penumpang."
>
> MOHAMAD AZHAR BAKTIAR

theSun

HARI : RABU
TARIKH : 26/7/2023
M/SURAT : 8



# Salahuddin was a champion of the people

OUR country has lost a consistent and great champion of the people's well-being in the form of Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub, who passed away on Sunday.

The Yang di-Pertuan Agong and Raja Permaisuri Agong conveyed their condolences to Salahuddin's family.

Malaysians were in complete shock as Salahuddin was well respected for his contributions, deeds and services to the nation, especially when they touched the hearts of the poor, fishermen, farmers and those from the B40 and M40 groups.

Earlier, Salahuddin was the agriculture and agro-based industry minister from 2018 to 2020 after the 14th general election.

Again after the 15th general election, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim appointed him the Domestic Trade and Cost of Living Minister in the unity government.

Salahuddin had set in motion hands-on initiatives to dramatically improve the daily lives of the B40 and hardcore poor segments of Malaysia's population.

Although his position was a political appointment, he served Malaysia as a true statesman, always putting the needs of the people as his priority.

With a degree in business administration and having served as a financial officer of MUI Bank until 1980, Salahuddin drew from a solid background in economics and finance to craft his Payung Rahmah initiatives.

These programmes were crafted to help people overcome the many challenges related to the cost of living increases in necessities and healthcare costs while recovering from Covid-19.

He worked tirelessly to stabilise prices of the many important commodities and ensure a sufficient supply of goods while also reducing the effects of inflation on consumers.

Salahuddin poured his heart and energies into the Rahmah initiatives, which were established in April via the Domestic Trade and Cost of Living Ministry.

On July 15, he announced the project had already assisted more than one million Malaysians, particularly those from the B40 and hardcore poor segments of society.



Salahuddin poured his heart and energies into the Rahmah initiatives. – *BERNAMAPIC*

He also announced an initiative to cover eye care, lowering the cost of spectacles to RM50.

Another companion initiative set to launch on Aug 1 by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, called Zero Healthcare, will serve the same target groups.

Other Rahmah initiatives include the well-known RM5 menu meals for delivery.

He also announced that several fast food chains have blessed the people by offering Menu Rahmah selections.

Because of Salahuddin's direct and purposeful involvement, many different companies have hopped on the Rahmah bandwagon with their initiatives such as AirAsia, electronics and furniture retailer Courts, grocery and pharmacy stores, providing various products at discounted prices from baby clothes, school supplies, school bags and student uniforms to necessities such as cooking oil, eggs, chicken and many more.

The Payung Rahmah initiatives have been well-received and are a resounding success due to the genuine enthusiasm and personal presentations by Salahuddin.

What more of a legacy could he leave, than by serving others and making their daily lives better by seeing that their greatest needs could be met?

It is a sad time to lose a campaigner for the well-being of the poor.

Salahuddin touched the hearts of every Malaysian due to his caring attitude and humility.

**C. Sathasivam Sitheravellu**
**Seremban**

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE
# (KPDN)

## 26 JULAI 2023 (RABU)

| BERITA ONLINE BERTARIKH 26 JULAI 2023 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 26-Jul | Terima kasih semua, legasi Payung Rahmah akan terus diperjuangkan | https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/terima-kasih-semua-legasi-payung-rahmah-akan-terus-diperjuangkan-429714%3famp=1 | ASTROAWANI |
| 26-Jul | Payung Rahmah diperkenalkan Salahuddin akan diteruskan - Fuziah | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/270084 | SH |
| 26-Jul | Sentuhan Salahuddin umpama ayah | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/07/991686/sentuhan-salahuddin-umpama-ayah | HM |
| 26-Jul | 'Ingat pesan Salahuddin, jangan biar rakyat tidur dengan perut kosong' | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/270039 | SH |
| 26-Jul | LAUNCH OF PAYUNG RAHMAH INITIATIVE WITH ZCITY | https://www.prnewswire.com/apac/news-releases/launch-of-payung-rahmah-initiative-with-zcity-301884080.html | PRNEWSWIRE |